

TERHAD

970/3/A2

STPM 2011

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

**ARAHAN PENGENDALIAN PROJEK PENGHASILAN KARYA
KEPADA GURU SENI VISUAL DAN PENGETUA
STPM 2011**



Majlis Peperiksaan Malaysia
Bangunan MPM, Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-6136 9663
Faks: 03-6136 1488

Arahan ini terdiri daripada 9 halaman bercetak.

Arahan Pengendalian Projek Penghasilan Karya kepada Guru Seni Visual dan Pengetua

1 Arahan Kerja Kursus

- 1.1 Kertas 970/3 (Projek Penghasilan Karya) hanya boleh diambil oleh calon **sekolah kerajaan** dan **sekolah bantuan kerajaan** sahaja.
- 1.2 Kerja kursus hendaklah dijalankan di tingkatan enam atas dalam **tahun peperiksaan semasa**.
- 1.3 Kertas 970/3 (Projek Penghasilan Karya) mengandungi **empat** pilihan soalan kerja kursus.
- 1.4 Calon dikehendaki memilih **satu** soalan sahaja.

2 Tanggungjawab Guru Seni Visual

- 2.1 Memastikan bahawa calon memahami kehendak Sukatan Pelajaran Seni Visual sebaik-baiknya
- 2.2 Menyediakan tempat yang sesuai untuk calon menjalankan kerja kursus mereka di sekolah. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) **tidak** menyediakan peruntukan untuk membiayai penyediaan tempat berkenaan
- 2.3 Mencetak dan membuat salinan kertas arahan dan soalan Seni Visual Kertas 3 (Projek Penghasilan Karya) STPM 2011 (**970/3/A1**) yang dibekalkan oleh MPM dan mengedarkannya kepada calon
- 2.4 Memberikan penjelasan kepada calon dan berbincang dengan mereka tentang Arahan Kerja Kursus dan Soalan Kerja Kursus Seni Visual Kertas 3 (Projek Penghasilan Karya) STPM 2011 (**970/3/A1**) secara terperinci
- 2.5 Memastikan bahawa calon mempunyai peralatan dan bahan yang sesuai untuk menghasilkan karya. MPM **tidak** menyediakan peruntukan untuk membiayai penyediaan peralatan dan bahan berkenaan
- 2.6 Mengingatkan calon bahawa kerja kursus ini merupakan sebahagian daripada peperiksaan, dan dengan yang demikian, kerja kursus ini terikat dengan peraturan peperiksaan (lihat perkara **6, Perbuatan Salah Laku dalam Peperiksaan**)
- 2.7 Memastikan bahawa calon menjalankan kerja kursus masing-masing secara individu **tanpa bantuan pihak luar**
- 2.8 Membimbing calon dalam aspek yang berikut:
 - (a) Memilih soalan untuk menjalankan kerja kursus
 - (b) Mengenal pasti buku, majalah, artikel, dan dokumen rujukan yang sesuai

- 2.9 Menyelias dan membimbing calon dalam menjalankan kerja kursus sebagaimana yang diperlukan. Walau bagaimanapun, Guru Seni Visual **tidak dibenarkan sama sekali memberikan bantuan amali kepada calon** baik dalam proses penghasilan karya mahupun dalam penyediaan portfolio
- 2.10 Memantau perkembangan proses kerja kursus **setiap calon** dari semasa ke semasa **sepanjang** tempoh pelaksanaan kerja kursus. Guru Seni Visual hendaklah memberikan ulasan, cadangan, dan tunjuk ajar secara berterusan kepada calon agar calon berpeluang membuat penambahbaikan pada hasil kerja (portfolio dan karya) masing-masing (lihat perkara **4, Pemantauan Kerja Kursus**)
- 2.11 Memastikan bahawa **tidak** terdapat unsur sensitif yang menyentuh aspek budaya, kaum, jantina, agama, dan politik dalam hasil karya setiap calon
- 2.12 Memastikan bahawa aspek keselamatan diberi perhatian sepanjang masa kerja kursus dilaksanakan

3 Tanggungjawab Pengetua

- 3.1 Memastikan bahawa calon yang mengambil kertas 970/3 mendapat bimbingan dan penyeliaan kerja kursus daripada guru yang berkelayakan dalam bidang Seni Visual
- 3.2 Menyediakan kemudahan asas yang diperlukan untuk melaksanakan kerja kursus Seni Visual STPM di sekolah
- 3.3 Memastikan bahawa calon tidak menghadapi masalah dalam penyediaan semua peralatan dan bahan yang diperlukan untuk menjalankan kerja kursus. MPM **tidak** menyediakan sebarang peruntukan kepada sekolah untuk membiayai penyediaan keperluan berkenaan
- 3.4 Memastikan bahawa pelaksanaan kerja kursus ini diserapkan dalam strategi pengajaran dan **bukan** merupakan kerja tambahan yang memerlukan persediaan dan waktu yang berasingan. Kerja kursus ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran
- 3.5 Mendapatkan maklumat daripada Guru Seni Visual tentang tahap kemajuan kerja kursus calon dan masalah yang mungkin dihadapi oleh calon
- 3.6 Memastikan bahawa kerja kursus ini dilaksanakan dengan teratur dalam tempoh yang ditetapkan
- 3.7 Mengesahkan bahawa kerja kursus calon telah dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan dengan menandatangani Borang Rekod Kerja Kursus Calon (*STPM/970/3.2*) (lihat **Lampiran 3**)
- 3.8 Memastikan bahawa hasil kerja kursus calon dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) masing-masing **tidak** lewat daripada **29 September 2011**

4 Pemantauan Kerja Kursus

- 4.1 Guru Seni Visual hendaklah memantau perkembangan proses kerja calon dengan menggunakan Borang Pengesahan Proses Kerja Calon (*STPM/970/3.1*) (*lihat Lampiran 1*). Borang ini hendaklah dilampirkan pada bahagian depan (sebelum halaman kandungan) portfolio calon. (*Sila rujuk kepada Lampiran 2 sebagai panduan untuk mengisi borang STPM/970/3.1.*)
- 4.2 Pada borang *STPM/970/3.1* tersebut, “Tarikh aktiviti” dan “Aktiviti dalam penghasilan portfolio dan karya” hendaklah ditulis oleh calon. Dalam ruang aktiviti ini, calon hendaklah merekodkan aktiviti sebenar yang dilakukannya mengikut perkembangan proses kerja dalam menyediakan portfolio dan menghasilkan karya. Guru hendaklah melihat hasil kerja calon pada setiap tahap proses kerja, memberikan ulasan, dan menurunkan tandatangan berserta tarikh.
- 4.3 Gambar memainkan peranan penting sebagai bukti bahawa hasil karya calon telah melalui proses pembentukan tahap demi tahap dari mula hingga akhir penghasilan karya. Oleh itu, calon dikehendaki, sama ada secara bersendirian atau dengan bantuan guru, mengambil gambar hasil kerja mereka dalam selang 10% hasil kerja siap (anggaran sahaja) untuk menunjukkan perkembangan pembentukan karya calon. Gambar hendaklah menunjukkan seluruh karya (**bukan** gambar *close-up* satu bahagian kecil karya). Gambar-gambar ini, dengan saiz yang sesuai misalnya 13 cm × 9 cm (saiz 3R), hendaklah disertakan dalam portfolio, dan setiap gambar hendaklah diberi catatan tentang proses kerja yang dijalankan serta peratusan siap (misalnya 10% siap, 20% siap, ...).

5 Penghantaran Portfolio dan Hasil Karya

Guru Seni Visual bertanggungjawab mengendalikan penghantaran portfolio dan hasil karya calon ke Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dengan mengambil tindakan yang berikut:

- 5.1 Memastikan bahawa semua hasil karya calon dibungkus dengan kemas dan dimasukkan bersama dengan portfolio ke dalam kotak untuk dihantar ke JPN. MPM tidak akan bertanggungjawab terhadap kerja kursus yang rosak atau hilang semasa penghantaran
- 5.2 Mengisi Borang Rekod Kerja Kursus Calon (*STPM/970/3.2*) (*lihat Lampiran 3*) dalam **dua** salinan dan menyerahkannya kepada Pengetua untuk ditandatangani. Satu salinan borang ini hendaklah disertakan bersama dengan portfolio dan hasil karya calon di dalam kotak. Satu salinan lagi hendaklah ditampalkan di luar kotak. MPM **tidak** akan memberikan pertimbangan kepada kerja kursus yang **tidak** disertai borang ini
- 5.3 Menghantar kotak-kotak yang berisi portfolio dan hasil karya calon ke JPN selawat-lewatnya pada **29 September 2011** untuk dihantar ke MPM

6 Perbuatan Salah Laku dalam Peperiksaan

- 6.1 Sekiranya terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa calon mendapat **bantuan amali** daripada orang lain dalam penghasilan portfolio dan karyanya, atau calon mengemukakan **hasil kerja orang lain** sebagai portfolio dan karyanya, seperti yang diperakui oleh pemeriksa dan Ketua Pemeriksa, maka Jawatankuasa Siasatan Kes Salah Laku Calon dari MPM akan menjalankan siasatan terhadap calon mengikut peruntukan seksyen 10 dan 11 dalam *Kaedah-Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara dalam Kes Salah Laku) 1986*, di bawah Undang-Undang Malaysia, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. Pengetua dan Guru Seni Visual sekolah berkenaan akan menjadi saksi dalam sidang siasatan tersebut.
- 6.2 Sekiranya seseorang calon didapati **sabit** dengan tuduhan perbuatan salah laku terhadapnya, maka keputusan peperiksaan mata pelajaran Seni Visual calon berkenaan akan **dibatalkan**.

7 Pemberitahuan kepada Calon

Guru Seni Visual hendaklah menyampaikan maklumat dalam perkara **4** dan **6** kepada semua calon di bawah bimbingan dan penyeliaannya serta memastikan bahawa mereka memahami segala arahan dalam kertas arahan dan soalan Seni Visual Kertas 3 (Projek Penghasilan Karya) STPM 2011 (**970/3/A1**) dengan sejelas-jelasnya.

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2011
SENI VISUAL (KERTAS 970/3)
BORANG PENGESAHAN PROSES KERJA CALON**

No. pusat/angka giliran: No. kad pengenalan:.....

| Tarikh aktiviti | Aktiviti dalam penghasilan portfolio dan karya | Ulasan guru | Tandatangan guru dan tarikh |
|------------------------|---|--------------------|------------------------------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

(Jadual aktiviti ini boleh melebihi satu halaman.)

Pengesahan Guru Seni Visual

Saya mengesahkan bahawa calon ini telah menjalankan sendiri setiap tahap proses kerja dalam Projek Penghasilan Karya Seni Visual STPM 2011 mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Tandatangan Guru Seni Visual:

Nama Guru Seni Visual:

Tarikh:

.....

Cap rasmi sekolah

Catatan: *Borang ini hendaklah dilampirkan pada bahagian depan (sebelum halaman kandungan) portfolio calon.*

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2011
SENI VISUAL (KERTAS 970/3)
BORANG PENGESAHAN PROSES KERJA CALON**

No. pusat/angka giliran: No. kad pengenalan:.....

| Tarikh aktiviti | Aktiviti dalam penghasilan portfolio dan karya | Ulasan guru | Tandatangan guru dan tarikh |
|------------------------|---|---|------------------------------------|
| 22/2/2011 | Berbincang dengan guru tentang cadangan calon untuk menggunakan bahan ... dan teknik ... dalam menghasilkan karya. | Cadangan calon baik dan boleh dilaksanakan. | <i>Latifah</i> 22/2/2011 |
| 7/3/2011 | Mendapatkan teks, ilustrasi, dan gambar untuk dijadikan bahan dalam 'kajian dan penyelidikan berdasarkan tema' kepada guru. | Bahan teks sesuai tetapi ilustrasi dan gambar perlu ditambah dan diganti. | <i>Latifah</i> 7/3/2011 |
| 19/3/2011 | Menyiapkan lakaran perkembangan idea. | Bilangan lakaran perlu ditambah untuk menunjukkan perkembangan idea yang berterusan/lanar. | <i>Latifah</i> 20/3/2011 |
| : | : | : | : |
| 8/4/2011 | Membuat kajian dan menyediakan huraian serta lakaran/ilustrasi berkaitan dengan media dan teknik yang hendak digunakan. | Kajian cukup dan huraian memuaskan. Ilustrasi tentang teknik kurang jelas – perlu dibaiki. | <i>Latifah</i> 11/4/2011 |
| : | : | : | : |
| 11/5/2011 | Menyiapkan karya 10% dan mengambil gambar. | Gambar karya sesuai dan jelas. Perkembangan karya baik. | <i>Latifah</i> 13/5/2011 |
| : | : | : | : |
| 26/6/2011 | Menyiapkan karya 50% dan mengambil gambar. | Pelekatan antara bahan tidak kemas. Pilihan warna bahan tali kurang menarik. Perkembangan karya baik. Gambar jelas. | <i>Latifah</i> 27/6/2011 |
| : | : | : | : |

(Jadual aktiviti ini boleh melebihi satu halaman.)

Pengesahan Guru Seni Visual

Saya mengesahkan bahawa calon ini telah menjalankan sendiri setiap tahap proses kerja dalam Projek Penghasilan Karya Seni Visual STPM 2011 mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Tandatangan Guru Seni Visual:

Nama Guru Seni Visual:

Tarikh:

.....
Cap rasmi sekolah

Catatan: *Borang ini hendaklah dilampirkan pada bahagian depan (sebelum halaman kandungan) portfolio calon.*

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2011
SENI VISUAL (KERTAS 970/3)
BORANG REKOD KERJA KURSUS CALON
(dilengkapkan dalam dua salinan)

1. Nama sekolah:
2. Alamat sekolah:
.....
3. Nombor pusat peperiksaan: 4. Nombor telefon:
5. Jumlah kerja kursus yang dihantar: 6. Jumlah calon pusat ini yang berdaftar:
7. Jumlah calon pusat ini yang hadir: 8. Jumlah calon pusat ini yang tidak hadir:
9. Jumlah calon tumpang/bantahan:

10. Pengesahan Pengetua

Saya mengesahkan bahawa Projek Penghasilan Karya Seni Visual STPM 2011 di pusat ini telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Senarai calon yang menjalankan kerja kursus ini disertakan bersama dengan borang ini.

Tandatangan Pengetua:

Cap nama dan jawatan:

11. Tarikh hantar:

Cap rasmi sekolah

12. Senarai calon yang menjalankan kerja kursus adalah seperti yang berikut:

| No. | No. pusat/ angka giliran | No. kad pengenalan | Kehadiran: Hadir (✓)/ tidak hadir (TH) | No. soalan kerja kursus | (Untuk kegunaan pemeriksa) *Markah | | |
|-----|-----------------------------|-----------------------|---|----------------------------------|---------------------------------------|----------------------|--------|
| | | | | | Portfolio (50%) | Hasil karya (50%) | Jumlah |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |

* Pemeriksa akan mengisikan markah calon dalam ruang markah.

Tandatangan Pemeriksa:

Tarikh:

Nama Pemeriksa:

Kod Pemeriksa:

Catatan: Sila lengkapkan borang ini (STPM/970/3.2) dalam **dua** salinan. Satu salinan hendaklah disertakan bersama dengan portfolio dan hasil karya calon di dalam kotak. Satu salinan lagi hendaklah ditampalkan di luar kotak.